



14 Ogos 2017  
14 August 2017  
P.U. (A) 232

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

**PERINTAH PASPORT (PENGECUALIAN VISA KEPADA  
ATLET, PEGAWAI SUKAN DAN PEGAWAI TEKNIKAL LUAR  
NEGARA DALAM SUKAN SEA DAN SUKAN PARA ASEAN  
KUALA LUMPUR 2017) 2017**

***PASSPORTS (EXEMPTION OF VISA TO FOREIGN ATHLETES,  
SPORTS OFFICERS AND TECHNICAL OFFICERS IN THE SEA  
GAMES AND PARA ASEAN GAMES KUALA LUMPUR 2017)  
ORDER 2017***

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASPORT 1966

PERINTAH PASPORT (PENGECUALIAN VISA KEPADA ATLET, PEGAWAI SUKAN DAN PEGAWAI TEKNIKAL LUAR NEGARA DALAM SUKAN SEA DAN SUKAN PARA ASEAN KUALA LUMPUR 2017) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Pasport 1966 [*Akta 150*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Pengecualian Visa kepada Atlet, Pegawai Sukan dan Pegawai Teknikal Luar Negara dalam Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017) 2017**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh dari 15 Ogos 2017 hingga 30 September 2017.

**Pengecualian**

2. Menteri mengecualikan semua atlet, pegawai sukan dan pegawai teknikal luar negara yang terlibat dalam Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017 daripada kehendak visa di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) atlet, pegawai sukan dan pegawai teknikal luar negara itu hendaklah memiliki pasport yang sah dengan tempoh kesahan yang tidak kurang daripada enam bulan;
- (b) atlet, pegawai sukan dan pegawai teknikal luar negara itu hendaklah dikeluarkan Pas Lawatan (Sosial) yang sah hingga 30 September 2017;
- (c) atlet, pegawai sukan dan pegawai teknikal luar negara itu bukan imigran yang dilarang yang dinyatakan di bawah subseksyen 8(3) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*];

- (d) atlet, pegawai sukan dan pegawai teknikal luar negara itu hendaklah diperakukan oleh pihak berkuasa sukan negara masing-masing; dan
- (e) atlet, pegawai sukan dan pegawai teknikal luar negara itu hendaklah memasuki dan keluar dari Malaysia hanya melalui lapangan terbang yang dibenarkan dan pos kawalan imigresen seperti yang berikut:
- (i) melalui udara —
- (A) U02 Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi, Kedah;
  - (B) U05 Lapangan Terbang Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang;
  - (C) U12A Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Sepang;
  - (D) U17 Lapangan Terbang Kuching, Bahagian Pertama, Sarawak; atau
  - (E) U29 Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah; atau
- (ii) melalui darat —
- (A) D01 Padang Besar, Perlis;
  - (B) D06 Bukit Kayu Itam, Changloon, Kedah;
  - (C) D11 Tambak Johor, Johor Bahru, Johor; atau
  - (D) D12A Pos Kawalan Imigresen Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor.

Dibuat 14 Ogos 2017  
[KDN.IM.S.600-1/3/11 JLD2; PN(PU2)482/II]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Menteri Dalam Negeri*

PASSPORTS ACT 1966

PASSPORTS (EXEMPTION OF VISA TO FOREIGN ATHLETES, SPORTS OFFICERS AND  
TECHNICAL OFFICERS IN THE SEA GAMES AND PARA ASEAN GAMES  
KUALA LUMPUR 2017) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by section 4 of the Passports Act 1966 [*Act 150*],  
the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Passports (Exemption of Visa to Foreign Athletes, Sports Officers and Technical Officers in the SEA Games and Para ASEAN Games Kuala Lumpur 2017) Order 2017**.

(2) This Order has effect for the period from 15 August 2017 to 30 September 2017.

**Exemption**

2. The Minister exempts all foreign athletes, sports officers and technical officers who are involved in the SEA Games and Para ASEAN Games Kuala Lumpur 2017 from the requirement of visa under subsection 2(1) of the Act subject to the following conditions:

- (a) the foreign athletes, sports officers and technical officers shall hold valid passports with a validity period of not less than six months;
- (b) the foreign athletes, sports officers and technical officers shall have been issued with Visit Passes (Social) that are valid until 30 September 2017;
- (c) the foreign athletes, sports officers and technical officers are not prohibited immigrants as specified under subsection 8(3) of the Immigration Act 1959/63 [*Act 155*];

- (d) the foreign athletes, sports officers and technical officers shall be certified by the sports authority of the respective countries; and
- (e) the foreign athletes, sports officers and technical officers shall enter into and exit from Malaysia only through authorized airports and immigration control posts as follows:
- (i) by air —
- (A) U02 Langkawi International Airport, Kedah;
  - (B) U05 Pulau Pinang Airport, Bayan Lepas, Pulau Pinang;
  - (C) U12A KL International Airport, Sepang;
  - (D) U17 Kuching Airport, 1st Division, Sarawak; or
  - (E) U29 Kota Kinabalu Airport, Sabah; or
- (ii) by land —
- (A) D01 Padang Besar, Perlis;
  - (B) D06 Bukit Kayu Itam, Changloon, Kedah;
  - (C) D11 Johore Causeway, Johor Bahru, Johore; or
  - (D) D12A Immigration Control Post at Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johore.

Made 14 August 2017  
[KDN.IM.S.600-1/3/11 JLD2; PN(PU2)482/II]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Minister of Home Affairs*